

AL-HIKMAH

Jilid	16	ISSN 1985-6822	2024M
No.	1		1445H

- SOROTAN KARYA BERSISTEMATIK KESAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL TERHADAP KESIHATAN MENTAL DI MALAYSIA ... 1-21
Siti Nurfatim Norasid & Muhamad Faisal Ashaari
- TEMA DAKWAH DALAM GALERI MUZIUM PAHANG ... 22-34
Azman Yusof, Rahimin Affandi Abdul Rahim & Siti Maimunah Hj Kahal
- KONSEP PEMBELAJARAN TAUHID DALAM MASYARAKAT MENERUSI LAGU “TOMBO ATI” KARYA SUNAN BONANG... 35-50
Indriya, Reynaldo Anggi Permana, Chika Amara Dina Inayah & Nayla Dewi Vursita
- KAJIAN PENGHAYATAN IBADAH DAN KEMAHIRAN AL-QURAN DALAM KALANGAN PENDUDUK PULAU TINGGI, MERSING JOHOR ... 51-67
Naemah Hamzah, Ahmad Che Yaacob & Nurul Hajar Jamaluddin
- PENDEKATAN DAKWAH TUAN GURU NIK ABDUL AZIZ KEPADA SAUDARA BARU DI KELANTAN ... 68-87
Wan Zuhaira Nasrin Wan Zainudin, Nur Syazana Adam & Nur Farha Muhammad Faleh Lai

Tema Dakwah dalam Galeri Muzium Pahang

The Theme of Da'wah in The Pahang Museum Gallery

AZMAN YUSOF, RAHIMIN AFFANDI ABDUL RAHIM &
SITI MAIMUNAH HJ KAHAL

ABSTRAK

Berdasarkan kajian Sirah Nabawiyah dan kajian ke atas pendakwah silam dan kontemporari, didapati medium penyampaian dakwah yang digunakan adalah bersifat dinamik; boleh berubah atau dipelbagaikan melalui penciptaan kaedah baharu yang sesuai dengan keperluan semasa. Di Alam Melayu umpamanya, Wali Songo telah mencipta wayang kulit sebagai medium dakwah. Begitu juga dengan Nahdatul Ulama, mereka menggubah dan mendendangkan lagu-lagu bertemakan ketuhanan yang menjadi siulan para pendengar. Ia tidak terhad kepada kaedah ceramah atau khutbah semata-mata. Dewasa ini, perkembangan pesat institusi muzium sebagai institusi terpenting yang memainkan peranan mengumpul, menjaga, merawat serta mempamerkan warisan ketara (*tangible*) dan tak ketara (*intangible*) sejarah sesuatu bangsa turut membuka peluang sebagai salah satu medium penyampaian dakwah Islamiah yang berkesan. Justeru, kajian ini akan menumpukan perhatian pada tema dakwah yang diusahakan oleh institusi Muzium Pahang. Dalam menyiapkan kajian ini, kaedah analisis deskriptif-kritikal telah digunakan yang mana penyelidik meneliti dan menganalisis dokumen pensejarahan yang terdapat pada Galeri Kehambaan di Muzium Pahang. Hasil kajian ini mendapati :1) Muzium mampu menjalankan misi dakwah melalui pedagogi pameran galeri artifak sebagai suplementari kepada pendidikan di sekolah, 2) Galeri Kehambaan menekankan beberapa tema dakwah khusus iaitu; a) kaitan antara tiga ilmu Islam iaitu Syariah, Usuluddin dan Tasawuf; b) hubungan simbiosis antara ilmu, kekuasaan dan jihad; dan c) manfaat *asma' Allah al-husna* dalam hidup manusia. Melalui penemuan ini, ia membuktikan bahawa muzium telah memainkan peranan sebagai medium dakwah yang berkesan dan telah dibuktikan oleh Muzium Pahang.

Kata kunci: Tema Dakwah, Pendekatan Dinamik, Islam, Alam Melayu, Muzium Pahang

ABSTRACT

According to Sirah Nabawiyah's study and research on both past and contemporary Islamic da'wah, it is evident that the medium for conveying Islamic teachings is

dynamic; it can change or diversify through the creation of new methods that suit current needs. For instance, in the Malay Archipelago, Wali Songo created wayang kulit as a medium for da'wah. Similarly, Nahdatul Ulama composed and performed songs with themes of divinity that resonated with their listeners. These methods extend beyond just lectures or sermons. Today, the rapid development of museums as crucial institutions that play roles in collecting, preserving, treating, and exhibiting both tangible and intangible heritage of a nation's history also opens opportunities for effective Islamic da'wah. As a result, this study focuses on the Pahang Museum's da'wah theme. Using a descriptive-critical analysis method, the researcher examined and analyzed historical documents found in the Servitude Gallery at the Pahang Museum. This study shows that 1) Museums can spread the word of God through the teaching methods of artifact exhibition galleries as an extra way to teach in schools; 2) The Servitude Gallery focuses on several specific themes of preaching, such as: a) how Sharia, Usuluddin, and Tasawwuf are connected; b) how knowledge, power, and jihad work hand-in-hand; and c) how Allah's 99 names (Asma' Allah al-Husna) can help people's lives. These findings show that museums have effectively served as a medium for Islamic da'wah, as evidenced by the Pahang Museum.

Keywords: *Da'wah theme, dynamic approach, Islam, Malay world, Pahang Museum*

Received: 1 June 2024
Accepted: 26 June 2024

Revised: 14 June 2024
Published: 30 June 2024

PENDAHULUAN

Muzium adalah institusi yang mengajar kaedah menjaga, merawat, mendidik, mengkaji, mempamerkan dan menyampaikan sesuatu pesanan kepada khalayak atau pengunjung. Melalui galeri pameran di muzium, kurator menyampaikan tema pendidikan dan pemikiran yang bersesuaian dengan aspirasi negara. Paling penting, ia merakamkan perkembangan yang berlaku dalam masyarakat. Untuk konteks zaman moden, tidak keterlaluan dikatakan muzium mampu memainkan fungsi dakwah dan pendidikan sekali gus. Dalam Islam, misi menyampaikan dakwah kepada semua manusia adalah agenda terpenting. Ia menjadi tanggungjawab manusia untuk berkongsi hidayah Allah SWT kepada semua manusia. Misi dakwah ini tidak harus dihadkan pada kaedah ceramah atau khutbah semata-mata, sebaliknya ia bersifat dinamik - boleh berubah atau dipelbagaikan melalui pendekatan baharu yang sesuai dengan keperluan zaman.

Salah satu pendekatan dakwah adalah menerusi seni. Sarjana Islam mengakui semua manusia adalah seniman. Oleh itu sentuhan seni amatlah

diperlukan untuk memenuhi keperluan jiwa manusia. Jadi pelbagai bentuk seni dapat digunakan untuk menyebarkan dakwah. Secara umumnya, terdapat 3 pecahan seni iaitu seni sastra, persembahan dan seni tampak. Untuk konteks seni persembahan, ternyata masyarakat Islam Alam Melayu agak terkehadapan dalam mencipta dan menerapkan falsafah Islam pada seni persembahan. Hal ini terbukti dalam tiga bentuk seni iaitu; *pertama*, Wali Songo telah mencipta seni wayang kulit untuk penyebaran Islam di Pulau Jawa. Nilai Islam telah dihidupkan dalam seni ini yang membawa mesej dakwah. *Kedua*, penciptaan media nasyid untuk menyebarkan dakwah Islam. *Ketiga*, penggunaan filem Islami di Indonesia. Didapati bahawa penggunaan ketiga medium seni dakwah ini berjaya memberikan sentuhan seni Islam yang amat berkesan kepada masyarakat (Ayu Haswida 2015). Justeru, muzium dapat digunakan sebagai medium untuk penyebaran dakwah yang berkesan. Ia tidak bermaksud mencipta mekanisme baharu tetapi hanya menerapkan prinsip Islam pada medium muzium ini. Atas dasar itu, kajian ini memberikan tumpuan kepada sumbangan muzium Pahang dalam usaha memperkasakan dakwah Islam.

MUZIUM SEBAGAI MEDIUM DAKWAH

Secara kasarnya, terdapat beberapa sebab keberkesanan koleksi muzium yang mampu mempengaruhi pengunjung. *Pertama*, keistimewaan yang dimiliki oleh koleksi muzium yang boleh digunakan untuk tujuan pendidikan-dakwah. Menurut Badrul Isa (2017) artifak muzium terdiri daripada dua warisan sejarah iaitu warisan *tangible* (nyata) dan *intangible* (tidak nyata). Artifak warisan *tangible* yang dipilih memiliki beberapa ciri khusus; i) ia mempunyai nilai sejarah dan mewakili era yang dipilih; ii) ia terhasil daripada kearifan tempatan atau kemahiran yang tinggi; iii) keunikan objek dan iv) keindahan dalam aspek bentuk, fungsi, hiasan dan simbol. Kepada pengunjung muzium, semua ciri-ciri ini akan menyebabkan ia mudah untuk difahami dan diingati. Maklumat yang diperoleh lebih menarik dan akan menjadi ingatan kekal dalam minda seseorang (Ab Samad Kechot 2012).

Kedua, artifak ini dapat menjana pemikiran tahap tinggi, iaitu; i) mencetuskan sifat ingin tahu yang tinggi; ii) menekankan isu pembuktian kepada sesuatu fakta; iii) mengaitkan faktor sebab musabab; iv) usaha mengkaji isu kontekstual sesuatu objek dan v) usaha mempelajari hikmah dan manfaat daripada sesuatu objek (S. Azman Ligun 2017).

Ketiga, koleksi muzium merupakan sumber rasmi yang berautoriti untuk dijadikan bahan *primer* dalam sesuatu kajian. Contohnya, galeri muzium dapat dijadikan bahan utama untuk mengetahui dasar sesebuah kerajaan. Dalam Galeri Malaysia pasca merdeka di Muzium negara secara jelas

menunjukkan dasar integrasi kaum yang menjadi agenda perpaduan kerajaan Malaysia (Abu Talib Ahmad 2014). Bahan galeri muzium juga menggambarkan sesuatu falsafah pemikiran yang berkembang dalam masyarakat. Contohnya, hasil kajian Suhaili Osman (2011) terhadap Galeri Muzium Kesenian Islam di Kuala Lumpur dan Jakarta mendapati memang terdapat kesedaran kebangkitan Islam yang berlaku di kedua lokasi di tahun 1970an hingga 2000an. Hal ini telah diabadikan dalam Galeri Muzium Islam terbabit.

TEMA DAKWAH DALAM GALERI MUZIUM PAHANG

Batu Nesan Kampung Permatang Pasir Dan Timba Tembaga

Terdapat dua artifak di Muzium pahang yang membawa tema dakwah iaitu Batu Nesan dan Timba Tembaga. Batu nisan ini dijumpai di Kampung Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan bertarikh 419H bersamaan 1028M. Batu nisan ini mirip batu nisan yang ditemui di Perlak dan Pasai dan mengalami proses Islamisasi awal dalam sejarah Alam Melayu.



Ilustrasi 1: Batu Nisan di Kampung Pekan Pahang Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan bertarikh 1028 Masihi



Ilustrasi 2: Timba Tembaga di Muzium Abu Bakar

Dapat difahami dari dua artifak ini:

- 1) Pahang adalah negeri yang terawal menerima proses Islamisasi berbanding Melaka.

Kawasan Timur Laut Tanah Melayu yang terdiri daripada negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan mempunyai sejarah penyebaran Islam daripada Tanah Arab yang agak panjang. Ia telah menjadi pelabuhan dan persinggahan pedagang asing, khususnya saudagar Arab dan Parsi yang sama tarikhnya dengan kawasan pantai barat Tanah Melayu. Menurut Kamis Bin Ismail (2003), ia bermula sejak tahun 717M apabila Khalifah Sulaiman Bin Abd Malik menghantar angkatan tentera ke China yang menyebabkan proses penyebaran Islam telah berkembang di kawasan pantai pelabuhan ini sejak abad pertama Hijrah lagi.

Pelabuhan kawasan ini juga kemudiannya turut dikunjungi oleh Laksamana Cheng Ho dalam beberapa siri penjelajahannya. Hasil daripada kunjungan ini terdapat beberapa tinggalan seperti kewujudan komuniti Cina Muslim dan monumen tertentu di kawasan terbabit. Kemuncak perkembangan ini berlaku pada tahun 878M apabila berlakunya pembunuhan seramai 120,000 umat Islam di China. Mengikut Mahayuddin Haji Yahya (1993), catatan Arab menerangkan bagaimana lanjutan daripada

peristiwa ini ramai daripada penganut Islam di kawasan Tenggara China telah berhijrah ke kawasan Asia Tenggara, termasuklah ke kawasan wilayah Timur Laut ini. Kawasan Alam Melayu juga telah menjadi tumpuan pelarian Ahlul Bait (keturunan keluarga nabi) daripada Timur Tengah, yang boleh dilihat dengan wujudnya masyarakat Syed yang agak ramai di seluruh kawasan pelabuhan terpenting rantau Alam Melayu seperti Brunei, Sabah, Sulu, Pahang dan Terengganu.

Sebelum ini, terdapat teori yang mendakwa Melaka merupakan tempat terawal menerima ajaran Islam di Tanah Melayu, yang dikaitkan juga sebagai pusat yang memperkembangkan Islam ke seluruh jajahan takluk empayar Melaka yang lain. Secara mudahnya, kita dapat mengatakan bukti tempat awal menerima Islam perlu didasarkan kepada wujudnya beberapa artifak yang khusus, merangkumi (i) kitab atau manuskrip agama, (ii) masjid tertua, (iii) institusi pendidikan Islam seperti pondok, (iv) kubur seseorang ulamak dan (v) terpenting sekali pengaruh pemikiran Islam yang berkekalan serta dapat dikesan penggunaannya secara meluas di dalam masyarakat. Seandainya bukti-bukti ini mahu diambilkira, kita akan bersetuju bahawa kawasan pantai Timur Tanah Melayu lebih memenuhi syarat ini, kerana kesemua artifak dan bukti ini memang terdapat secara lengkap di kawasan pantai Timur seperti Terengganu dan Kelantan, dan bukannya di kawasan Pantai Barat Tanah Melayu seperti Melaka.

- 1) Islam wajib disebarikan secara damai dan tidak melalui paksaan.

Berbanding dengan teori orientalis yang mendakwa Islamisasi Alam Melayu dilakukan melalui kaedah kekerasan dan penipuan, kedua-dua artifak tersebut menunjukkan hal yang sebaliknya. Memang tiada langsung bukti yang menunjukkan Islam tersebar melalui kaedah peperangan di Alam Melayu. Sebaliknya pendakwah awal menggunakan pendekatan pendidikan dan mesra budaya. Di Alam Melayu, tiada catatan peristiwa yang berupa peperangan dan kemusnahan yang timbul kerana proses Islamisasi ini.

Selain berasaskan usaha dakwah dengan niat yang betul, mubaligh awal telah melakukan penyelidikan tentang bagaimana program dakwah di Alam Melayu perlu dilakukan. Hasilnya, beberapa langkah telah diambil;

Pertama, mubaligh awal telah mengkaji struktur masyarakat Melayu yang berasaskan sistem beraja (feudalism) dengan kedudukan raja yang amat ditaati oleh rakyat (Mohammad Redzuan 1994) Ini menyebabkan mereka bertindak secara beransur-ansur mendekati golongan raja dan menerapkan sistem beraja Melayu dengan nilai-nilai Islam. Mengikut Mohd Nor Ngah (1983), walaupun struktur lama masih lagi dikekalkan tetapi ianya telah diterap dengan nilai-nilai Islam. Kalau dulunya sistem beraja Melayu bersumberkan konsep Devaraja warisan Hindu-Buddha, tetapi sekarang

ianya telah diabsahkan dengan prinsip raja sebagai khalifah Allah SWT di atas muka bumi. Tindakan yang mengakui keabsahan sistem beraja ini yang disokong dengan hubungan yang agak baik dengan raja-raja telah dapat mempergiatkan lagi perkembangan Islam di Alam Melayu.

Kedua, mempergunakan medium komunikasi dalam usaha dakwah. Penekanan tentang peri pentingnya alat komunikasi yang terbaik untuk tujuan penyebaran nilai-nilai Islam seperti mana ditekankan dalam Surah Al 'Imran: 64 telah difahami oleh kebanyakan mubaligh Islam yang kemudiannya menghasilkan pelbagai medium dakwah khusus ini, antaranya melalui medium tulisan, khutbah dan sebagainya. Kesemua medium ini telah dirangka khusus dengan mengambil kira persekitaran tempatan sasaran dakwah yang hendak disampaikan mesej Islam (Rahimin Affandi 2003)

Apa yang jelasnya, dalam konteks Alam Melayu, pemahaman ini telah membuahkan penciptaan tulisan jawi dalam dunia intelektual Alam Melayu. Bagi Omar Awang (1981), asal usul penciptaan dan penggunaan tulisan jawi dalam masyarakat Melayu adalah sumbangan ulama Melayu Islam yang awal yang telah mengasaskan dan memperkayakan Bahasa Melayu dalam bentuk tulisan jawi, yang dijadikan sebagai alat untuk memperkembangkan keilmuan Islam. Fenomena yang mengambil kira elemen tempatan dalam bentuk memilih bahasa tempatan sebagai medium untuk penyebaran ilmu agama telah dilakukan oleh sarjana Islam di kebanyakan dunia Islam, seperti penciptaan tulisan Urdu di India dan tulisan Parsi di Iran berteraskan dari segi bentuknya kepada bahasa Arab dengan sedikit sebanyak pengubahsuaian.

2) Wujudnya masyarakat Islam terawal yang mengamalkan budaya Islam

Batu Nisan dan Timba Tembaga ini membuktikan wujudnya penempatan masyarakat Islam yang mengamalkan budaya hidup Islam merangkumi soal kelahiran sehingga kematian. Ia mengajar ahli masyarakat bahawa hidup di dunia ini hanya sementara di mana setiap manusia pasti akan menghadapi kematian. Ia menjadi peringatan kepada semua ahli masyarakat yang masih hidup untuk mempersiapkan diri menghadapi kematian dengan mendapatkan sebanyak mungkin amalan untuk bekal hidup di alam sesudah mati. Bagi masyarakat Melayu-Islam, kubur atau batu nisan tidak boleh dijadikan alat pemujaan atau pun perantaraan untuk mendapatkan sesuatu kehendak atau hajat kepada Allah SWT (Mohd Anuar Ramli 2018). Hal ini berbeza sama sekali dengan pemahaman agama selain Islam (Nurhanisah Senin 2019).

Kedua-dua artifak ini menunjukkan pemakaian budaya Islam dalam masyarakat Melayu Pahang. Pendakwah awal berjaya menerapkan

pendekatan *world affirmative* (alam sebagai tempat yang berguna) kepada masyarakat Melayu. Ianya telah menjadi asas kepada pembangunan hidup masyarakat yang lebih dinamik. Menurut pendekatan ini, umat Islam perlu menolak semua bentuk ajaran yang menafikan kepentingan hidup dunia seperti mana dipegang oleh ajaran Neo-Platonism, Hindu, Buddha dan Kristian yang menganggap kehidupan dunia ini sebagai kotor dan perlu dijauhkan demi untuk mencapai kejayaan di dalam hidup selepas mati. Sebaliknya, umat Islam perlu menghidupkan pendekatan *world affirmative* ini dengan memberikan penekanan kepada empat inti pati yang utama, (Rahimin Affandi 2006) iaitu;

- a) Kehidupan dunia ini perlu dilangsungkan dalam bentuk yang seimbang di antara kehidupan akhirat. Paling penting, kehidupan dunia ini perlu dijadikan medan utama untuk mendapatkan sebanyak mungkin bekal untuk kegunaan hari akhirat. Dalam soal ini, secara halus kita dapat menyingkap bahawa di antara kedua-dua alam ini, perkiraan alam akhirat perlu diutamakan memandangkan ianya lebih bersifat kekal abadi.
- b) Alam dunia ini dengan segala prasarana yang wujud di dalamnya adalah untuk manfaat manusia dan bukannya untuk dipuja dan ditakuti seperti diamalkan oleh masyarakat primitif.
- c) Selain mengetahui hukum Allah SWT dalam bentuk ketetapan agama daripada sumber wahyu, umat Islam dituntut mengkaji hukum alam (sunnah alam) yang juga diatur perjalanannya oleh Allah SWT agar ianya boleh dimanfaatkan untuk tujuan pembangunan dunia.
- d) Umat Islam di bawah pengaruh dan status khalifah amat digalakkan untuk meneroka, menggunakan dan meneliti alam semesta ini secara berhemah bagi tujuan memakmurkannya sebagai tempat yang selesa untuk di diami di samping menghayati keunggulan kekuasaan Allah SWT.

Galeri Kehambaan

Galeri Kehambaan merupakan karya seni yang dihasilkan oleh Kurator Muzium Pahang. Ia dirangka dengan konsep takwa dan iman seseorang hamba kepada Allah SWT - merasakan kehadiran Allah SWT dalam setiap gerak geri dan tindak tanduk; meletakkan seseorang insan itu sentiasa berada dalam keadaan takwa dan iman. Hamba adalah golongan paling bawah dalam hierarki masyarakat. Mereka tidak bebas bertindak kerana segala peraturan dan perintah ditentukan oleh kuasa pemilik hamba (Surah al-Hadid: 25).

Kedatangan Islam menukar konsep daripada perhambaan manusia kepada kehambaan kepada Allah SWT. Rasa kehambaan perlu ada dalam

hati setiap manusia. Antara sifat yang ada pada seorang hamba ialah miskin, jahil, lemah, bersalah dan hina. Sifat ini akan mendorong manusia untuk meletakkan pergantungan kepada yang Maha Kuat, pengharapan kepada yang Maha Sempurna, permohonan kepada yang Maha Kaya sehingga menimbulkan rasa berani, mulia dan kuat.

Begitu juga dalam berinteraksi dengan aspek kesenian, Islam telah membentuk suatu karya seni yang tersendiri. Karya seni dalam konteks pandangan Islam sesuai dengan fitrah dan kejadian manusia iaitu tunduk, menyerah dan mendekati diri kepada-Nya, selaras dengan kedudukan hamba yang melakukan pengabdian kepada-Nya. Sejak daripada zaman tradisi Islam, karya seni Islam berperanan untuk meningkatkan akidah, syariah, akhlak dan masyarakat. Karya seni yang berunsur Islam mempunyai peranan dan kedudukan yang cukup istimewa dalam pertembungannya dengan karya seni pascamoden dalam zaman global ini. Oleh sebab sesuatu karya seni dihasilkan untuk membentuk kebudayaan dan peradaban, maka karya yang dihasilkan itu sangat menekankan aspek dalaman, pemikiran dan intelektualisme bersesuaian dengan sifat akli yang menjadi teras hidup manusia, tidak hanya memenuhi kehendak perasaan dan lahiriah.



Ilustrasi 3: Galeri Kehambaan

Galeri ini menggagaskan tiga unsur utama iaitu agama, ilmu dan kuasa melalui pameran karya-karya seni seperti lukisan nama-nama Allah SWT (Asmaul Husna), karya seni Melayu seperti manuskrip dan keris

berwafak yang merupakan simbol kekuatan, keberanian dan kebijaksanaan masyarakat Melayu. Keris merupakan senjata yang mewakili kemampuan Melayu dan menjadi senjata penting semasa menentang penjajahan. Senjata ini telah digunakan oleh tokoh-tokoh seperti Datuk Bahaman, Tok Gajah, Mat Kilau, Pawang Nong dan lain-lain dalam mempertahankan tanah air dan kesucian agama Islam. Jika keris digunakan sebagai senjata jasmani, manuskrip pula menjadi pelengkap kepada keperluan rohani dan intelek yang perlu dimiliki oleh seseorang manusia yang bergelar hamba. Tamadun ilmu di Alam Melayu telah berkembang dengan pesat hasil daripada sumbangan Islam sehingga berjaya melahirkan manuskrip Melayu-Islam dalam pelbagai cabang ilmu pengetahuan seperti tafsir, akidah, fiqh, perubatan dan persenjataan khususnya keris. Gabungan ketiga-tiga unsur ini mewujudkan kesempurnaan, keseimbangan dan rasa kehambaan yang mendalam kepada Allah SWT.

Secara tidak langsung galeri ini menolak teori sarjana kolonial yang menyatakan bahawa proses Islamisasi pendakwah awal di Alam Melayu menggunakan pendekatan dakwah yang menipu dan membentuk penganut Melayu Islam yang fanatik kepada golongan bukan Islam (Rahimin Affandi & Siti Maimunah 2017). Sebaliknya, pendakwah awal mengaplikasikan pendekatan *wasatiyah*. Islam memang disebarikan melalui jalan yang damai di Alam Melayu. Mereka memahami bahawa jihad adalah mekanisme mempertahankan Islam daripada musuh luar (Rahimin Affandi, Syamsul Azizul & Ahmad Farid 2022). Namun begitu, mereka tidak mengabaikan semangat jihad walaupun menyebarkan Islam secara damai. Buktinya boleh dirujuk kepada sirah ulama Melayu tidak menerapkan pendekatan *pacifism* iaitu mengalah dan tidak melawan (Muhammad Haniff 2016), tetapi mereka tetap mengarang kitab yang meniupkan semangat jihad melawan penjajah (Lukmanul Hakim 2008). Pondok dijadikan sebagai benteng terakhir untuk mempertahankan akidah umat Islam daripada dipengaruhi oleh fahaman sekularisme penjajah. Abdullah Zakaria (2012) mengatakan bahawa ulama telah terlibat secara langsung dalam banyak keadaan menentang kuasa penjajah. Amnah et al. (2014) mengukuhkan lagi hujah ini dengan menyatakan tentang usaha Tokku Paloh memberikan suntikan semangat jihad dan menyokong perjuangan Dato Bahaman.

KESIMPULAN

Rumusan akhirnya, terdapat beberapa perkara yang boleh dikenal pasti melalui kajian ini. *Pertama*, muzium memang sesuai berfungsi sebagai medium dakwah yang berkesan. Buktinya kerana pelbagai keistimewaan yang dimiliki oleh koleksi muzium yang boleh dipergunakan untuk tujuan

pendidikan-dakwah. Keistimewaan ini bakal menyebabkan pengunjung muzium mudah mengingati tema dakwah. *Kedua*, melalui tiga artifak / galeri muzium yang dikaji iaitu Batu Nesan Kampung Permatang Pasir, Timba Tembaga dan Galeri Kehambaan- kita dapati mengetahui proses Islamisasi awal negeri Pahang yang agak istimewa. Ianya dirancang oleh pendakwah yang awal bertepatan dengan prinsip Tauhid, *World-Affirmative*, *societal* dan *wasatiyyah*. Kesemua prinsip ini boleh dipelajari dan dimanfaatkan oleh pendakwah era moden.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah dibiayai oleh skim geran penyelidikan Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Al-Sultan Abdullah - Muzium Pahang (AL-ASAR) yang bertajuk Meraikan Ilmu (001.KOLONIALISME/2021). Sehubungan dengan itu, pihak penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada AL-ASAR atas sumbangan dana yang telah diberikan.

RUJUKAN

- Ab Samad Kechot. 2012. Pendidikan warisan di muzium: Kajian berkaitan penggunaan laras bahasanya. *Geografia Online: Malaysia Journal of Society and Space* 8 (8): 35-46.
- Abu Talib Ahmad. 2016. Pahang state history: A review of the published literature and existing gaps, *Kemanusiaan* 23 (1): 35-64.
- Ayu Haswida Abu Bakar. 2015. Konsep tema 'Islamik' dalam 'Filem Islamik' Syurga Cinta, Ayu Haswida Abu Bakar. *Jurnal pengajian Melayu* 26 (1): 167-183.
- Badrul Isa. 2017. Museum Pedagogy and Learning Etidakperiences: An Investigation Into Museum Education From Instructional Perspectives. Tesis Doktor Falsafah RMIT University.
- Kamis Bin Ismail. 2003. Shi'ah dan Pengaruhnya Dalam Bidang Politik dan Tasawuf Falsafah Di Alam Melayu Zaman Tradisional. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed Redzuan Othman. 2001. Pengaruh Timur Tengah Dalam Perkembangan Awal Kesedaran Politik Melayu, dalam edit Mohamed Redzuan Othman, *Jendela Masa: Kumpulan Esei*

- Sempena Persaraan Dato' Khoo Kay Kim*, Kuala Lumpur : Penerbit UM.
- Mohd Anuar Ramli. 2018. Unsur Kearifan Tempatan dalam Fiqh Budaya dan Seni Melayu Islam dari Perspektif Hukum Islam. Prosiding Seminar Hukum Islam Semasa IX 2018.
- Mohd Nor Ngah. 1983. *Kitab Jawi: Islamic Thought of the Malay Muslim Scholars*, Singapore: Institute of Southeast Asian.
- Muhammad Haniff Hassan. 2016. Mengharmonikan Islam dan Pasifisme: Satu Pendekatan Tradisionalis. *Jurnal al-Tamaddun* 11 (2): 1-18.
- Nurhanisah Senin. 2019. Penyembahan Imej dalam Agama Kristian, Hindu dan Buddha: Analisis Perbandingan, 5th International Seminar on Islamiyyat Studies IRSYAD 2019, 5th & 6th November 2019. Tenera Hotel, Bangi, Selangor.
- Omar Awang. 1981. The major Arabic sources which determined the structure of Islamic thought in the Malay archipelago before the nineteenth century a.d. in the field of law, theology and Sufism. *Islamika* 1: 80-85.
- Rahimin Affandi Abd Rahim, Syamsul Azizul Marinsah, Ahmad Farid Abdul Jalal. 2022. Konsep jihad ulama Melayu-Islam dalam Kitab Jawi Terpilih: Satu analisis. *Jurnal Manu* 33 (1): 27-51.
- Rahimin Affandi Abd Rahim. 2006. Islam Dan Isu Penterjemahan Dalam Era Globalisasi. Dlm. Hamed Mohd Adnan (ed.). Penerbitan Malaysia-Indonesia: Mengukuhkan Jaringan Penerbitan Serantau. hh. 151-164. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Siti Maimunah Binti Kahal. 2017. Ilmu Kolonial Dan Islamisasi Alam Melayu: Analisis sistem kritikal. *Jurnal Sejarah*, 26(1): 33-49.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim. 2003. Analisis Sejarah. Dakwah. Dan Jalinan Intelektual Rantau Malaysia-Indonesia. Dlm. Zulkiple Abd. Ghani (ed.). *Jaringan Dakwah Malaysia-Indonesia..* Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, UKM dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU).
- S. Azman Ligun. 2017. Muzium sebagai instrumen pembelajaran sejarah luar bilik darjah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 5 (1): 19-30.
- Suhaili Binte Osman. 2011. Expressing Islam: A study of the Bayt Al-Qur'an & Museum Istiqlal Indonesia and the Islamic Arts Museum Malaysia. Tesis Sarjana NUS.

Senarai Pengarang:

Prof Madya Dr. Azman Yusof (Pengarang Penghubung)
Pensyarah
UniKL MICET
Bandar Vendor Taboh Naning
78000 Alor Gajah, Melaka.
E-mel: azmanyusof@unikl.edu.my

Prof Madya Dr. Rahimin Affandi Abdul Rahim
Pensyarah Kanan
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur.

Siti Maimunah Hj Kahal
Pensyarah
Akademi Pengajian Islam (ACIS)
Universiti Teknologi MARA (UITM)
40450 Shah Alam, Selangor.